

AL-MUTAHABBAH FIRDAUS

TERMA & SYARAT

SEMAKAN DISEMBER 2025



Wasiyyah
وصيه

WASIYYAH SHOPPE BERHAD

200401012968 (651471-T)

A-G-07, Dataran Cascades, No, 13A, Jalan PJU 5/1,
PJU 5 Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan

 WasiyyahShoppeBhd

 TVWasiyyah

www.wasiyyahshoppe.com.my

TERMA DAN SYARAT

JENIS PERKHIDMATAN: AL-MUTAHABBAH FIRDAUS

TERMA RUJUKAN

‘Syarikat’ merujuk kepada Syarikat Berhad 200401012968 (651471–T) sebuah Syarikat amanah berdaftar di bawah Akta Pemegang Amanah 1949, organisasi yang berkepakaran di dalam pengurusan harta pusaka dan perancangan harta secara Syariah yang beralamat di A-G-07, Dataran Cascades, No 13A, Jalan PJU 5/1, Kota Damansara PJU 5, 47810 Petaling Jaya, Selangor atau apa-apa alamat perniagaan yang akan dimaklumkan dari masa ke semasa kepada **Pelanggan**.

‘Pelanggan’ merujuk kepada individu yang namanya tercatat di dalam KAD LEGASI, sijil perkhidmatan dan sistem **Syarikat**. **Pelanggan** ialah pihak yang telah membayar untuk mendapatkan perkhidmatan seperti yang telah ditetapkan di dalam Terma dan Syarat perkhidmatan ini dan langganannya kekal sah mengikut terma dan syarat ini.

ISI KANDUNGAN

1	PERUNTUKAN AM	3
1.1	MAKLUMAT AM	3
1.2	LIABILITI.....	3
1.3	TEMPOH BERTENANG	3
1.4	APA YANG PELANGGAN AKAN TERIMA DI DALAM TEMPOH EMPAT PULUH (40) HARI BEKERJA DARIPADA TARIKH PENDAFTARAN PERKHIDMATAN AL-MUTAHABBAH FIRDAUS.....	5
1.5	PERUBAHAN DAN PENARIKAN BALIK SURAT IKATAN AMANAH (HARTA ALIH) ATAU/DAN TERMA DAN SYARAT HIBAH	6
1.6	NOTIS PINDAAN.....	7
1.7	PROSES MENYIMPAN SELAMAT (<i>SAFEKEEPING</i>) DOKUMEN	7
1.8	SUMBER HARTA UNTUK AL-MUTAHABBAH	8
1.9	TANGGUNGJAWAB PELANGGAN	9
2	DISKRIPSI MANFAAT.....	11
2.1	DOKUMEN YANG DISEDIAKAN	11
2.2	TANGGUNGJAWAB PEMEGANG/PEMEGANG-PEMEGANG AMANAHATAU/DAN PENERIMA/PENERIMA-PENERIMA.....	13
2.3	JAWATANKUASA PENGURUSAN AMANAH (<i>TRUST MANAGEMENTCOMMITTEE</i>) / MAJLIS KELUARGA.....	13
2.4	PENAMBAHAN HARTA TAMBAHAN DAN PENARIKAN BALIK HARTASEDIA ADA DI DALAM AL-MUTAHABBAH.	14
2.5	APA YANG PERLU DILAKUKAN OLEH WARIS SELEPAS KEMATIANPELANGGAN.....	16
2.6	PROSES RUNDING CARA.....	17
2.7	TANGGUGAN KOS PERUNDANGAN AL-MUTAHABBAH FIRDAUS.....	18
2.8	AKAUN TABARRU'	19
2.9	DEKLARASI AMANAH (<i>TRUST DECLARATION</i>).....	19
2.10	PELAKSANAAN SURAT IKATAN AMANAH (HARTA ALIH) ATAU/DAN TERMA DAN SYARAT HIBAH AL-MUTAHABBAH FIRDAUS.....	22
3	CUKAI, LEVI ATAU OBLIGASI STATUTORI KERAJAAN	22
4	INDEMNITI SYARIKAT	23
4.1	Tujuan :.....	23

1 PERUNTUKAN AM

1.1 MAKLUMAT AM

Al Mutahabbah di dalam Bahasa Malaysia bermaksud saling berkasih-sayang. Produk ini adalah perkhidmatan **Amanah Keluarga (Family Trust)** inovatif yang diperkenalkan oleh **Syarikat**, bagi membantu **Pelanggan** untuk merancang pewarisan dan pengurusan harta-harta yang dikehendakinya.

Dari segi hukum syarak dan undang-undang sivil, harta-harta yang telah ditetapkan untuk diurus di bawah **Perkhidmatan Al-Mutahabbah** ini akan terkeluar daripada harta pusaka, tidak akan diagihkan dan tidak boleh dituntut oleh waris mengikut hukum faraid.

Terma dan syarat ini merujuk kepada tanggungjawab yang perlu ditanggung oleh keempat-empat pihak yang terlibat iaitu pelanggan, Pemegang/pemegang-pemegang amanah atau/dan jawatankuasa pengurusan amanah dan **Syarikat** (selepas ini dikenali sebagai 'Syarikat'). Apa sahaja yang terkandung di dalam terma dan syarat ini adalah tertakluk kepada butiran di dalam **"SIJIL PERKHIDMATAN"** yang disertakan bersama terma dan syarat ini.

1.2 LIABILITI

Liabiliti Syarikat adalah bergantung kepada pelanggan dalam memenuhi dan mematuhi terma dan syarat pakej ini.

1.3 TEMPOH BERTENANG

Pelanggan mempunyai tempoh bertenang (*cooling-off period*) **selama tujuh (7) hari** dari tarikh penghantaran terma dan syarat perkhidmatan. Di dalam tempoh ini, **Pelanggan** mempunyai hak untuk membatalkan langganan perkhidmatan dengan menghubungi **CARELINE** di talian **03-7680 2000** dan juga dengan menghantar borang bertulis ke **Pusat Perkhidmatan Pelanggan** dengan merujuk seperti di bawah :

1.3.1 Tempoh Bertenang “Cooling-off Period” selama tujuh (7) hari:

Pelanggan mempunyai tempoh bertenang (*cooling-off period*) **selama tujuh (7) hari** dari tarikh penghantaran terma dan syarat perkhidmatan. Di dalam tempoh ini, **Pelanggan** mempunyai hak untuk membatalkan langganan perkhidmatan dengan menghubungi **CARELINE** di talian **03-7680 2000** dan juga dengan menghantar borang bertulis ke **Pusat Perkhidmatan Pelanggan** dengan merujuk seperti di bawah :

1.3.1.1 Tempoh Bertenang “Cooling-off Period” selama Enam Puluh (60) Hari:

Pelanggan diberi tempoh **enam puluh (60) hari** dari tarikh penghantaran terma dan syarat perkhidmatan sekiranya ingin membatalkan langganan perkhidmatan. Jika berlaku pembatalan dalam tempoh tersebut, pemulangan sebanyak **50%** daripada jumlah pembayaran yang telah diterima akan dipulangkan kepada pelanggan dengan syarat Borang Pembatalan secara bertulis telah diterima oleh Syarikat dalam tempoh tersebut. Notis tersebut boleh dihantar sama ada secara tangan, pos ke pejabat Syarikat, Helpdesk atau e-mel rasmi Syarikat.

Sebarang cukai, fi atau caj yang ditetapkan oleh Kerajaan adalah tidak termasuk dalam klausa pemulangan wang ini.

1.3.1.2 Selepas Tamat Tempoh Enam Puluh (60) Hari;

Jika berlaku pembatalan selepas tamat tempoh 60 hari yang diperuntukkan, **tiada** pemulangan wang akan dibuat.

1.4 APA YANG PELANGGAN AKAN TERIMA DI DALAM TEMPOH EMPAT PULUH (40) HARI BEKERJA DARIPADA TARIKH PENDAFTARAN PERKHIDMATAN AL-MUTAHABBAH FIRDAUS

Tarikh pendaftaran bermaksud tarikh pembayaran fi perkhidmatan pertama diterima oleh **Syarikat** dari saluran bayaran (*payment channels*) yang ditetapkan oleh Syarikat. Sebagai Pelanggan anda akan menerima perkara berikut di dalam **tempoh empat puluh (40) hari bekerja** daripada tarikh pengesahan penerimaan bukti bayaran dari pihak syarikat:

1.4.1 **Kad Legasi.** Kad ini disediakan sebagai balasan kepada bayaran yuran (fi) yang telah dibuat. Kad ini adalah **bukti sah** bahawa pelanggan telah melanggan dengan pihak Syarikat. Kad Legasi ini akan diberikan sekali seumur hidup kepada pelanggan. Sebaiknya ia hendaklah disimpan di dalam dompet berserta dengan kad-kad lain seperti kad pengenalan dan kad bank. Apabila berlaku kematian kepada pelanggan, waris perlu menghubungi **CARELINE** di talian **03-7680 2000** untuk mendapatkan perkhidmatan. Sekiranya terdapat **permohonan kali ke-empat** untuk cetakan semula kad, pihak syarikat berhak mengenakan caj kepada pelanggan.

1.4.2 Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah mengikut keperluan pelanggan dan tertakluk kepada serahan lengkap.

1.4.3 **Resit bayaran** untuk pendaftaran. Resit ini boleh diperolehi melalui Dai'e **Syarikat** sebagai bukti pembayaran telah diterima oleh pihak **Syarikat**.

1.4.4 **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini yang menzahirkan secara terperinci spesifikasi perkhidmatan Syarikat. Terma dan Syarat ini boleh dihantar secara fizikal (pos) atau di e-mel kepada **Pelanggan**.

1.4.5 **Sijil Perkhidmatan.** *Sijil ini disediakan bertujuan untuk mengesahkan langganan pakej pengurusan dan perancangan yang telah dilanggan.

*Sekiranya pelanggan tidak menerima mana-mana dari perkara di atas, pelanggan dikehendaki menghubungi **CARELINE** di talian **03-7680 2000**.



1.5 PERUBAHAN DAN PENARIKAN BALIK SURAT IKATAN AMANAH (HARTA ALIH) ATAU/DAN TERMA DAN SYARAT HIBAH

Pelanggan perlu memastikan harta-harta yang telah diletakkan di bawah Al-Mutahabbah Firdaus kekal di dalam penguasaan pelanggan sehingga meninggal dunia. Sekiranya pelanggan berhasrat menarik balik mana-mana harta atau menambah apa-apa harta tambahan yang baharu, hasrat tersebut perlu dimaklumkan kepada Syarikat mengikut peruntukan **klausu 2: Diskripsi Manfaat**. Selagi Pelanggan masih hidup dan waras akal fikiran:

1.5.1 Pembatalan Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah.

Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah didalam pakej Al-Mutahabbah Firdaus ini boleh dibatalkan keseluruhannya namun dokumen pembatalan perlu ditandatangani oleh pelanggan, Pemegang/pemegang-pemegang amanah atau/dan ahli jawatankuasa pengurusan amanah (*Trust Management Committee*) dan benefisiari/benefisiari-benefisiari.

Tiada caj yang dikenakan untuk pembatalan dokumen **Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah** Al-Mutahabbah Firdaus.

1.5.2 Perubahan Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah

Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah Al-Mutahabbah Firdaus ini boleh diubah sebahagian terma dan syaratnya dengan penyediaan akuan berkanun yang mengandungi terma dan syarat baharu dan ditandatangani oleh pelanggan, Pemegang/pemegang-pemegang amanah, ahli jawatankuasa pengurusan amanah (*Trust Management Committee*) dan benefisiari/benefisiari-benefisiari.

Tiada caj yang dikenakan untuk perubahan dokumen **Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah** Al-Mutahabbah

Firdaus (**tidak termasuk** Kos Pesuruhanjaya Sumpah).

1.6 NOTIS PINDAAN

Adalah dipersetujui oleh kedua-dua pihak iaitu pelanggan dan Syarikat bahawa terma dan syarat ini mengikat waris-waris, wasi, pentadbir harta pusaka dan semua pihak yang berkepentingan.

Bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dan memberi nilai tambah (*value added*) kepada pelanggan, Syarikat pada bila-bila masa boleh mengubah mana-mana terma dan syarat perkhidmatan ini dengan menghantar satu (1) notis bertempoh tiga puluh (30) hari melalui pos atau sms atau emel kepada pelanggan. Bukti penghantaran notis ini dianggap sebagai bukti penerimaan oleh pelanggan.

Sekiranya terdapat pelaksanaan baharu atau pindaan terhadap apa-apa cukai, fi, atau caj tambahan oleh Kerajaan pada masa kini atau pada masa hadapan yang berkaitan dengan produk atau perkhidmatan ini, semua bayaran tersebut adalah menjadi tanggungjawab **Pelanggan**. Sekiranya berlaku kematian sebelum bayaran tersebut dijelaskan, tanggungan berkenaan hendaklah diselesaikan oleh waris **Pelanggan** dan boleh dituntut daripada harta pusaka **Pelanggan**.

1.7 PROSES MENYIMPAN SELAMAT (*SAFEKEEPING*) DOKUMEN

Sebanyak dua (2) salinan asal (*original copy*) **Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah** akan disediakan dengan penyimpanan selamat (*safekeeping*) dokumen dibuat seperti berikut:

1.7.1 Bagi pelanggan yang melanggan produk Al-Mutahabbah Firdaus, Syarikat bertanggungjawab untuk menyimpan selamat (*safekeeping*) Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah untuk seumur hidup pelanggan dan perkhidmatan ini diberikan secara percuma.

1.7.2 Satu (1) salinan asal akan disimpan selamat (*safekeeping*) oleh

pelanggan. Satu (1) salinan asal akan disimpan selamat (*safekeeping*) oleh **Syarikat**.

1.7.3 **Syarikat** mempunyai hak untuk menyimpan selamat dokumen di dalam bentuk salinan fizikal atau digital.

1.8 SUMBER HARTA UNTUK AL-MUTAHABBAH

Pelanggan terlebih dahulu perlu menyediakan dokumen-dokumen seperti **Dokumen Pengisytiharan Hibah** dan/atau **Surat Ikatan Amanah (harta alih)** dan/atau **Terma dan Syarat Hibah** dan/atau **Surat Kuasa Wakil** di bawah pakej 'Kasihku' Syarikat dan/atau apa-apa dokumen lain, yang diperlukan bagi meletakhakkan pemilikan harta berkenaan kepada **Pemegang Amanah** individu atau Syarikat.

1.8.1 Hanya harta-harta yang termasuk di bawah produk perkhidmatan Syarikat seperti di dalam **klausula 1.8.2** di bawah sahaja yang boleh diletakkan di bawah perkhidmatan Al-Mutahabbah. Harta-harta yang dokumennya dibuat oleh pihak ketiga tidak akan tertakluk sebagai harta yang diuruskan di bawah perkhidmatan Al-Mutahabbah.

1.8.2 Sumber harta yang boleh diletakkan di bawah perkhidmatan Al-Mutahabbah ialah harta-harta yang telah dirancang oleh pelanggan melalui pakej-pakej Syarikat seperti Al-Wasitah, Pra-hibah, Hibah Amanah, Hibah Komprehensif, Kasihku dan Tijarah.

1.8.3 Namun, pelanggan wajib melanggan satu langganan produk pengurusan iaitu **Al-Wasitah** atau meletak peruntukan pusaka dalam produk **Pra-Hibah Tabung Haji** beserta Terma dan Syarat atau **Kasihku** beserta **Surat Ikatan Amanah** dan melanggan produk perancangan iaitu **Hibah Komprehensif**. Langganan produk adalah tidak termasuk bersama caj rampaian.

1.8.4 Harta-harta yang dirancang melalui pakej-pakej di dalam **klausula 1.8.2**



hanya boleh diletakkan di bawah pakej Al-Mutahabbah sekiranya Pemegang/pemegang - pemegang amanah atau/dan penerima/penerima-penerima harta telah menandatangani **Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah** yang disediakan bagi tujuan pakej Al-Mutahabbah ini mengikut **klausa 2.1: Diskripsi Manfaat: Dokumen yang disediakan**.

1.9 TANGGUNGJAWAB PELANGGAN

- 1.9.1 **Pelanggan** mempunyai tanggungjawab untuk memberikan dokumen sokongan kepada Dai'e untuk diserahkan kepada pihak **Syarikat** bagi proses dokumentasi.
- 1.9.2 Sekiranya dokumen sokongan pelanggan tidak diserahkan kepada **Syarikat** dalam masa yang ditetapkan, **pelanggan** bersetuju untuk mengindemniti **syarikat** dan sekiranya berlaku kematian kepada pelanggan, produk tersebut akan dipindah kepada proses pengurusan pusaka sekiranya pelanggan melanggan produk **PRA** atau produk Al Wasitah tidak aktif. Sekiranya terdapat kos melebihi caj perkhidmatan sebelum ini, waris perlu menanggung kos lebihan tersebut dan sekiranya waris tidak bersetuju, tiada pemulangan wang yang dibuat.
- 1.9.3 Sebarang cukai yang mungkin dikenakan terhadap harta dan/atau hartanah dan/atau Akaun milik pelanggan tidak ditanggung oleh **Syarikat**.
- 1.9.4 Bagi penghantaran dokumen pelanggan secara pos keluar negara (selain dalam Malaysia), pihak **Syarikat** tidak akan menanggung sebarang kos penghantaran. **Pelanggan** atau Dai'e perlu bertanggungjawab untuk menanggung sendiri kos penghantaran sehingga akhir proses penghantaran. Caj tertakluk kepada liabiliti **pelanggan**.
- 1.9.5 Setelah Dokumen Simpanan **Pelanggan** diterima, **Pelanggan** perlu membuat pengesahan penerimaan dokumen simpanan dengan

mengimbas **Kod QR Kaji Selidik** pada kad yang dilampirkan bersama dokumen simpanan.

- 1.9.6 Sekiranya **Pelanggan** mengalami kesulitan untuk mengimbas **Kod QR Kaji Selidik**, **Pelanggan** perlu mengisi kaji selidik secara bertulis pada belakang kad kaji selidik kemudian kembalikan semula kepada **Syarikat** melalui serahan tangan kepada Dai'e atau e-mel ke telewasiyyah@wasiyyahshoppe.com.my atau hantar ke talian *WhatsApp Careline* 6014-986 1123 dalam tempoh **14 hari** setelah menerima dokumen simpanan. Ganjaran kaji selidik akan diberi kepada Pelanggan yang selesai membuat kaji selidik setiap bulan.
- 1.9.7 Sekiranya **Syarikat** tidak menerima sebarang maklumbalas kaji selidik melalui medium yang telah dijelaskan seperti di atas, pihak **Syarikat** beranggapan bahawa Pelanggan masih belum menerima dokumen tersebut. **Pelanggan** perlu membuat laporan kepada pihak **Syarikat** untuk semakan dan tindakan.

1.10 TANGGUNGJAWAB SYARIKAT

Tanggungjawab **Syarikat** di dalam melaksanakan hak **Pelanggan** yang diperuntukkan di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini adalah bergantung sepenuhnya kepada tanggungjawab yang telah dilaksanakan **Pelanggan** di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini.

Syarikat mempunyai tanggungjawab dalam memastikan pengurusan data peribadi Pelanggan adalah berdasarkan Tujuh (7) Prinsip Perlindungan Data Peribadi. **Pelanggan dan waris** yang didaftarkan sahaja mempunyai akses untuk mendapatkan maklumat perkhidmatan.

2 DISKRIPSI MANFAAT

2.1 DOKUMEN YANG DISEDIAKAN

Pelanggan perlu mengenalpasti apakah harta-harta yang ingin diletakkan di bawah pakej Al-Mutahabbah dengan menggunakan pakej perkhidmatan Syarikat seperti di dalam **klausa 1.8.2: Peruntukan Am: Sumber Harta Untuk Al-Mutahabbah**.

Satu Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah akan disediakan bagi tujuan meletakkan harta-harta seperti yang diinginkan pelanggan di dalam klausa di atas di bawah pakej Al-Mutahabbah.

Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah ini akan ditandatangani oleh pelanggan/Pemegang-pemegang amanah yang telah menerima harta pelanggan sebagai pemegang amanah melalui pakej-pakej seperti di dalam klausa **1.8.2: Peruntukan Am: Sumber Harta Untuk Al-Mutahabbah** di bawah jawatankuasa pengurusan amanah dan semua benefisiari.

Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah ini disediakan mengikut Akta Pemegang Amanah 1949 dan atau/dan Akta Kontrak 1950 yang merupakan persetujuan/garis panduan lengkap yang dipersetujui, mengikat dan wajib dipatuhi oleh Pemegang/pemegang-pemegang amanah atau/dan kesemua benefisiari dan pihak-pihak yang berkepentingan terhadap harta tersebut mengenai kaedah pengurusan harta-harta yang telah didokumenkan oleh Syarikat mengikut **klausa 1.8.2 : Peruntukan Am : Sumber Harta Untuk Al-Mutahabbah**. Ahli jawatankuasa pengurusan amanah seperti yang telah dilantik di dalam **klausa 2.3: Diskripsi Manfaat: Jawatankuasa Pengurusan Amanah (Trust Management Committee)**.

Harta-harta ini akan diurus dan diagih manfaatnya sepenuhnya berdasarkan terma dan syarat yang dikehendaki oleh pelanggan di dalam Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah ini.

Mutahabbah akan mengikat Pemegang/pemegang-pemegang amanah, jawatankuasa pengurusan amanah dan benefisiari/benefisiari-benefisiari dan semua pihak yang berkepentingan terhadap harta mengenai cara bagaimana harta-harta diuruskan dan manfaat diagihkan.

Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah ini akan terlaksana secara khususnya mengikut terma dan syarat seperti yang termaktub di dalamnya dan Akta Pemegang Amanah 1949 secara umumnya.

Pelanggan mempunyai hak untuk meletakkan apa sahaja terma dan syarat yang difikirkan sesuai bagi mencapai maksud yang dikehendaki pelanggan. Walaupun demikian, terma dan syarat yang bercanggah dengan hukum syarak dan sifat semulajadi manusia (*against human nature*) mengikut undang-undang sivil tidak boleh dimasukkan sebagai terma dan syarat di dalam Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah tanpa mengira (*Notwithstanding*) klausa ini, sekiranya pelanggan tetap berhasrat untuk memasukkan terma dan syarat hibah yang bersifat seperti yang dinyatakan ini, **pelanggan** akan mengindemniti **Syarikat** jika terma dan syarat berkenaan tidak dapat dilaksanakan.

Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah, di dalam **klausa 1.8.2: Peruntukan Am: Sumber Harta untuk Al-Mutahabbah** di atas boleh ditandatangani:

2.1.1 Secara pelbagai pihak (*inter-parte*); Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah ditandatangani oleh pelanggan, pemegang/pemegang-pemegang amanah atau/dan jawatankuasa pemegang amanah dan benefisiari/benefisiari-benefisiari yang mengisytiharkan bahawa mereka bersetuju dengan terma dan syarat Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah di dalam klausa 2.1.

Adalah menjadi satu kesalahan (*an offense*) kepada **Pemegang/pemegang-pemegang amanah** yang menerima harta-harta melalui

perkhidmatan seperti di dalam **klausula 1.8.2: Peruntukan Am: Sumber Harta Untuk Al-Mutahabbah** untuk menggunakan harta-harta ini untuk kepentingan peribadi tanpa merujuk kepada syarat-syarat pengurusan harta di dalam Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah di dalam **klausula 2.1** di atas. Tindakan ini dianggap sebagai pecah amanah (*Break of Trust*).

2.2 TANGGUNGJAWAB PEMEGANG/PEMEGANG-PEMEGANG AMANAH ATAU/DAN PENERIMA/PENERIMA-PENERIMA.

Pemegang/pemegang-pemegang amanah atau/dan penerima/penerima-penerima bertanggungjawab untuk menjalankan amanah seperti yang tertakluk di dalam Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah yang disediakan di bawah Al-Mutahabbah seperti di **klausula 2.1: Diskripsi Manfaat: Dokumen Disediakan.**

2.3 JAWATANKUASA PENGURUSAN AMANAH (TRUST MANAGEMENT COMMITTEE) / MAJLIS KELUARGA

Jawatankuasa Pengurusan Amanah (*Trust Management Committee*) dibentuk mengikut arahan Pelanggan dan diberikan kuasa oleh Pelanggan melalui Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah di dalam klausula 2.3.1 di atas untuk pengurusan dan pengagihan manfaat harta yang tertakluk di bawah Al-Mutahabbah Firdaus seperti berikut :

- i. Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Amanah (Trust Management Committee);*
- ii. Kaedah perlantikan Ahli Jawatankuasa Amanah (Trust Management Committee);*
- iii. Kaedah membuat keputusan oleh Jawatankuasa Pengurusan Amanah (Trust Management Committee);*

- iv. Kronologi Perlantikan Pengerusi;
- v. Apakah harta yang tertakluk di bawah Al-Mutahabbah Firdaus;
- vi. Siapa kelas benefisiari yang akan menerima manfaat dari harta;
- vii. Penubuhan/Pengurusan Akaun Amanah Tunai;
- viii. Penandatanganan cek untuk Akaun Amanah Tunai;
- ix. Penubuhan entiti di bawa Akta Syarikat 2016;
- x. Agihan manfaat dari harta (Kaedah/Pemasaan);
- xi. Tangungan liabiliti cukai ke atas Pemegang/pemegang-pemegang amanah;
- xii. Apa-apa sahaja terma dan syarat yang dikehendaki pelanggan yang tidakbercanggah dengan hukum syarak dan undang-undang Sivil.

2.4 PENAMBAHAN HARTA TAMBAHAN DAN PENARIKAN BALIK HARTA SEDIA ADA DI DALAM AL-MUTAHABBAH.

2.4.1 Penambahan harta tambahan (*additional new asset*).

Pelanggan pada bila-bila masa boleh menambah harta tambahan (*additional new asset*) untuk diuruskan di bawah **Al-Mutahabbah** bersama-sama dengan harta-harta yang telah sedia ada. Namun penambahan harta-harta tambahan ini tertakluk kepada **klausula 1.8.2: Peruntukan Am: Sumber Harta Untuk Al-Mutahabbah**. Untuk tujuan ini:

2.4.1.1 Pelanggan perlu menghubungi Syarikat atau Dai'e yang sah bagi mendapatkan perkhidmatan penyediaan dokumen berkenaan bagi harta tambahan.

2.4.1.2 Pelanggan perlu menandatangani Dokumen Pengisytiharan Hibah dan Surat Ikatan Amanah atau/dan Terma dan Syarat Hibah atau/dan Surat Kuasa Wakil tambahan (tertakluk kepada klausula 1.8.2: Peruntukan Am: Sumber Harta Untuk Al-Mutahabbah) bagi

tujuan perletakhakkan harta-harta kepada pemegang amanah.

- 2.4.1.3 Sekiranya kesemua dokumen yang disediakan seperti klausa 2.4.1 tidak sempat disempurnakan*/didaftarkan dan pelanggan telah meninggal dunia, harta-harta yang berkenaan tidak dianggap sebagai sebahagian dari harta di bawah perkhidmatan Al-Mutahabbah.

**Disempurnakan/didaftarkan bagi tujuan klausa 2.4.1.3 bermaksud telah ditandatangani oleh semua pihak yang terlibat, telah ditandatangani dan disempurnakan melalui Pengesahan Peguam Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan telah didaftarkan Surat Kuasa Wakil di Mahkamah Tinggi Sivil.*

- 2.4.2 Penarikan balik harta sedia ada di bawah perkhidmatan Al-Mutahabbah.

Pelanggan pada bila-bila masa boleh menarik balik harta yang telah diletakkan di bawah PERKHIDMATAN Al-Mutahabbah. Untuk tujuan ini:

- 2.4.2.1 Pelanggan perlu menghubungi Syarikat atau Dai'e-dai'nya yang sah bagi mendapatkan perkhidmatan.
- 2.4.2.2 Pelanggan perlu menandatangani Dokumen Pembatalan Hibah /Dokumen Pembatalan Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah bagi harta-harta yang berkenaan (tertakluk kepada **klausa 2.1: Diskripsi Manfaat: Dokumen Yang Disediakan**).
- 2.4.2.3 Hanya harta yang mempunyai dokumen pembatalan seperti di dalam **klausa 2.4.2.2** di atas sahaja akan terkeluar daripada diletakkan di bawah Al-Mutahabbah. Harta-harta yang tidak tertakluk di bawah mana-mana Dokumen Pembatalan Hibah mengikut rekod Syarikat akan kekal diuruskan berdasarkan dokumen-dokumen yang tertakluk di bawah Al-Mutahabbah.

2.4.2.4 Sekiranya kesemua dokumen yang disediakan seperti **klausa 2.4.2.2** di atas tidak sempat disempurnakan* dan Pelanggan telah meninggal dunia, harta-harta yang berkenaan tetap akan dianggap sebagai sebahagian dari harta di bawah pakej Al-Mutahabbah.

**Disempurnakan bagi tujuan klausa 2.4.2.4 di atas bermaksud telah ditandatangani oleh pelanggan atau/dan Pemegang/pemegang-pemegang amanah (yang mana berkenaan).*

2.5 APA YANG PERLU DILAKUKAN OLEH WARIS SELEPAS KEMATIAN PELANGGAN.

Pemegang/pemegang-pemegang amanah atau/dan jawatankuasa pengurusan amanah dan benefisiari/benefisiari-benefisiari perlu menghubungi **CARELINE** di talian **03-7680 2000** atau merujuk kepada laman web di www.wasiyyahshoppe.com.my untuk mendapatkan nombor telefon rujukan bagi memaklumkan kepada Syarikat mengenai kematian Pelanggan.

Pemegang/pemegang-pemegang amanah atau/dan jawatankuasa pengurusan amanah dan benefisiari/benefisiari-benefisiari dinasihatkan tidak melantik (*engage*) mana-mana pihak ketiga bagi menguruskan pelaksanaan Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah di bawah PERKHIDMATAN Al-Mutahabbah kecuali dengan kebenaran bertulis Syarikat serta bekerjasama dan menurut arahan yang dikeluarkan oleh Syarikat bagi tujuan pelaksanaan **Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah.**

2.6 PROSES RUNDING CARA

Perkhidmatan runding cara **PERCUMA** untuk Pemegang/pemegang-pemegang amanah atau Benefisiari/Benefisiari-benefisiari.

Sekiranya pelanggan ada melanggan perkhidmatan Hibah Komprehensif dan/atau At-Tijarah Komprehensif dan/atau Hibah Amanah, perkhidmatan runding cara **PERCUMA** akan diberikan kepada Pemegang/pemegang-pemegang amanah, Jawatankuasa Pengurusan Amanah dan Benefisiari/Benefisiari-benefisiari di lokasi, tarikh dan waktu seperti yang dikehendaki oleh Pemegang/pemegang-pemegang amanah atau/dan Jawatankuasa Pengurusan Amanah dan Benefisiari/Benefisiari-benefisiari.

**Tertakluk kepada kebolehsediaan (availability) wakil Syarikat. Sekiranya lokasi hari/waktu sesi runding cara (consultation) bertembung (clash) dengan sesi runding cara lain yang telah diminta lebih awal oleh waris-waris dari kes yang lain, waktu sesi runding cara mungkin berubah. Khidmat rundingcara peribadi pengurusan harta pusaka dan pembacaan khutbah pusaka (sekali sahaja) akan dijalankan secara dalam talian melalui mana-mana platform komunikasi maya yang akan ditentukan oleh Syarikat dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, waris Pelanggan boleh memohon pelaksanaan khidmat rundingcara peribadi pengurusan harta pusaka dan pembacaan khutbah pusaka di mana-mana lokasi di Semenanjung Malaysia pada bila-bila masa yang dikehendaki waris (tertakluk kepada kebolehsediaan Pegawai kecuali cuti Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidil Adha).*

Sekiranya Pelanggan hanya melanggan pakej Pra Hibah sahaja untuk harta-harta yang diletakkan di bawah perkhidmatan Al-Mutahabbah (tiada Hibah Komprehensif, Hibah Amanah atau At-Tijarah Komprehensif), perkhidmatan runding cara **PERCUMA** akan diberikan kepada Pemegang/pemegang-pemegang amanah, jawatankuasa pengurusan amanah dan benefisiari/benefisiari-benefisiari di pejabat Syarikat sahaja pada tarikh dan waktu seperti yang ditetapkan oleh Syarikat dan dipersetujui oleh Pemegang/pemegang-pemegang amanah atau/dan jawatankuasa pengurusan amanah dan

benefisiari/benefisiari-benefisiari.

2.7 TANGGUNGAN KOS PERUNDANGAN AL-MUTAHABBAH FIRDAUS.

Kos proses perundangan untuk pengesahan Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah di bawah perkhidmatan Al-Mutahabbah ini (jika terdapat perbalahan di antara pemegang amanah/pemegang-pemegang amanah/jawatankuasa pengurusan amanah/benefisiari-benefisiari) adalah tertakluk kepada syarat seperti di bawah:

- 2.7.1 Bagi Al-Mutahabbah Firdaus, segala kos berkaitan proses perundangan untuk tujuan pengesahan Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah ini di Mahkamah Tinggi Sivil atau apa-apa aspek proses perundangan berkaitan yang lain adalah ditanggung oleh akaun tabarru' seperti di dalam klausa 2.8 di bawah.
- 2.7.2 Bagi tujuan pengesahan di Mahkamah Tinggi Syariah, sekiranya pemegang amanah/pemegang-pemegang amanah menerima harta yang dimasukkan sebagai amanah di bawah Al-Mutahabbah ini melalui Hibah atau pengesahan di Mahkamah Tinggi Sivil, sekiranya pemegang amanah/pemegang-pemegang amanah menerima harta yang dimasukkan sebagai amanah di bawah Al-Mutahabbah ini melalui instrumen sivil Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah. Tanggungan kos proses perundangan bagi tujuan pengesahan di mahkamah-mahkamah tersebut adalah tertakluk kepada produk Al-Mutahabbah.
- 2.7.3 Tanggungan kos untuk proses pengesahan Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah. Al-Mutahabbah Firdaus ini hanya meliputi proses di Mahkamah Tinggi Sivil sahaja. Sekiranya terdapat proses lanjutan di Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan, kos tersebut akan ditanggung oleh pemegang amanah/pemegang-pemegang amanah/jawatankuasa pengurusan amanah/benefisiari-benefisiari.



2.8 AKAUN TABARRU'

2.8.1 **Pelanggan** faham dan bersetuju bahawa sebanyak **sepuluh peratus (10%)** dari fi yang dibayar untuk perkhidmatan ini akan disumbangkan ke dalam satu **Akaun Tabarru'**. Di dalam konteks perkhidmatan ini, Tabarru' bermaksud derma ikhlas yang diberikan oleh **Pelanggan** mengikut kadar sumbangan yang ditetapkan iaitu sepuluh peratus (10%) dari fi perkhidmatan, tanpa meminta pertukaran atau balasan, untuk saling memberikan bantuan secara bersama di atas konsep *ta'awun* kepada **Pelanggan** lain yang turut sama menyumbang di dalam akaun berkenaan untuk tujuan menampung kos pengesahan hibah di Mahkamah Tinggi Syariah (jika perlu).

2.9 DEKLARASI AMANAH (*TRUST DECLARATION*)

2.9.1 **Pelanggan** dengan ini mengaku faham bahawa **Pelanggan** telah dijelaskan dengan sepenuhnya mengenai operasi, pelaksanaan dan pengurusan **Akaun Tabarru'** bagi perkhidmatan **Al-Mutahabbah Firdaus** ini. Atas sebab itu, **Pelanggan** dengan ini redha serta bersetuju bahawa sepuluh peratus (10%) dari fi perkhidmatan yang dibayar **Pelanggan** akan disumbang ke dalam **Akaun Tabarru'** ini bagi tujuan seperti yang dinyatakan di dalam **Terma dan Syarat** ini.

2.9.2 **Pelanggan** faham bahawa **Syarikat** adalah sebuah entiti yang berdaftar di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 serta mempunyai kuasa sebagai Pemegang Amanah di bawah peruntukan undang-undang untuk menguruskan **Akaun Tabarru'** sebagai **Pemegang Amanah** bagi pihak **Pelanggan**.

2.9.3 **Pelanggan** dengan ini faham dan bersetuju bahawa **Pelanggan** bersetuju melantik **Syarikat** sebagai **Pemegang Amanah** untuk **memegang secara amanah (*hold on trust*)** bagi mengumpul dan mengurus sumbangan **Pelanggan** di dalam **Akaun Tabarru'** tersebut. **Pelanggan** juga faham

dan bersetuju bahawa **Akaun Tabarru'** ini akan diuruskan secara kolektif oleh **Syarikat** bagi pihak semua **Pelanggan** yang lain.

2.9.4 **Syarikat** dengan ini bersetuju dengan perlantikan sebagai **Pemegang Amanah** bagi pihak **Pelanggan** bagi menguruskan **Akaun Tabarru'** ini dan mengaku janji untuk melaksanakan tanggungjawabnya selaras dengan peruntukan di dalam **Terma dan Syarat** ini.

2.9.5 **Pelanggan** faham dan bersetuju bahawa kesemua fi perkhidmatan yang ditetapkan **Syarikat** adalah dibayar di atas nama **Syarikat** dan dikreditkan ke dalam akaun operasi **Syarikat**. **Syarikat** kemudiannya bertanggungjawab untuk mengasingkan sepuluh (10%) peratus dari fi perkhidmatan **Pelanggan** sebagai sumbangan ke dalam **Akaun Tabarru'** untuk dikreditkan ke dalam satu akaun berasingan sebagai akaun amanah (*Trust Account*).

2.9.6 **Akaun Tabarru'** ini kemudiannya akan diuruskan secara berasingan dari mana-mana akaun operasi **Syarikat** dengan tujuan utama digunakan mengikut Terma dan Syarat ini. **Akaun Tabarru'** ini juga adalah dikawal selia sepenuhnya oleh Jawatankuasa Amanah dan Pelaburan yang dilantik **Syarikat** dan diaudit secara berasingan dari akaun operasi **Syarikat**.

2.9.7 Di dalam apa jua keadaan, **Syarikat** tidak akan menggunakan dana di dalam **Akaun Tabarru'** ini untuk apa-apa tujuan kecuali bagi tujuan seperti dinyatakan di dalam klausa 2.9.8 dan 2.9.9 di bawah sahaja.

2.9.8 **Pelanggan** faham dan bersetuju bahawa apabila berlaku kematian kepada mana-mana **Pelanggan** dan proses pengesahan **Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah Syarikat** akan mendebit **Akaun Tabarru'** berdasarkan jumlah kos sebenar proses pengesahan **Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah** berkenaan. Proses mendebit **Akaun Tabarru'** ini akan dibuat bagi tempoh dan pada tarikh yang ditetapkan **Syarikat**.



- 2.9.9 **Pelanggan** dengan ini faham dan bersetuju untuk memberi kuasa penuh kepada **Syarikat** untuk menguruskan **Akaun Tabarru'** ini mengikut kaedah yang difikirkan sesuai oleh **Syarikat**.
- 2.9.10 **Pelanggan** faham dan bersetuju bahawa **Pelanggan** tidak akan menikmati apa-apa keuntungan peribadi yang dibayar secara terus kepadanya dari **Akaun Tabarru'** ini.
- 2.9.11 **Pelanggan** faham bahawa **Pelanggan** tidak boleh menuntut sumbangan yang telah diberinya kepada **Akaun Tabarru'** dalam apa keadaan sekalipun kerana ia telah dianggap sebagai derma ikhlas.
- 2.9.12 Adalah dipersetujui bersama oleh **Pelanggan** dan **Syarikat** bahawa keseluruhan klausa 2.9 ini adalah dianggap sebagai deklarasi amanah (*trust declaration*) di antara **Pelanggan** dan **Syarikat** bagi melaksanakan tanggungjawabnya menguruskan **Akaun tabarru'** ini.
- 2.9.13 Selain dari kuasa dan tanggungjawab yang dinyatakan di dalam **Terma dan Syarat** ini, adalah diperakui bersama bahawa kuasa **Syarikat** sebagai **Pemegang Amanah** kepada **Akaun Tabarru'** ini adalah tertakluk sepenuhnya di bawah Akta Pemegang Amanah 1949.
- 2.9.14 **Pelanggan** faham dan bersetuju bahawa sekiranya kesemua waris **Pelanggan** bersetuju dengan **Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/ dan Terma dan Syarat Hibah** yang dibuat **Pelanggan** dan tiada keperluan untuk proses pengesahan **Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/ dan Terma dan Syarat Hibah**, dibuat di Mahkamah Tinggi Sivil, sumbangan **Pelanggan** ke dalam **Akaun Tabarru'** ini adalah derma ikhlas **Pelanggan** kepada **Akaun Tabarru'** bagi tujuan yang dinyatakan dan tiada sebarang pemulangan wang dari sumbangan **Pelanggan** akan dilakukan.
- 2.9.15 Adalah dipersetujui bersama bahawa sekiranya **Pelanggan** memilih untuk membayar secara ansuran bagi perkhidmatan ini dan **Pelanggan** meninggal dunia dalam keadaan terdapat baki ansuran yang masih

tertunggak, tanggungjawab untuk menyelesaikan baki ansuran tersebut ialah tanggungjawab **Benefisiari/ Pemegang Amanah**. **Benefisiari/ Pemegang Amanah** faham bahawa **Benefisiari/Pemegang Amanah** tidak berhak menikmati penggunaan **Akaun Tabarru'** sekiranya baki ansuran yang tertunggak ke atas perkhidmatan ini selepas kematian **Pelanggan** tidak dijelaskan sepenuhnya.

2.10 PELAKSANAAN SURAT IKATAN AMANAH (HARTA ALIH) ATAU/DAN TERMA DAN SYARAT HIBAH AL-MUTAHABBAH FIRDAUS

2.10.1 Tertakluk kepada klausa 2.6 dan 2.7 di atas, selepas proses runding cara dan/atau proses pengesahan Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah di Mahkamah Tinggi Sivil telah selesai (jika ada keperluan), Syarikat akan membantu pemegang amanah/ pemegang-pemegang amanah/jawatankuasa pengurusan amanah/ benefisiari-benefisiari untuk melaksanakan proses permulaanperlaksanaan amanah ini.

2.10.2 Pelanggan/Pemegang amanah/pemegang-pemegang amanah/ jawatankuasa pengurusan amanah/benefisiari-benefisiari boleh memohon Syarikat untuk memberikan perkhidmatan nilai tambah (*value added*) seperti perkhidmatan perakaunan, perundangan, audit dan nasihat kewangan selepas amanah ini berjalan dengan membayar fi seperti yang ditetapkan oleh Syarikat.

3 CUKAI, LEVI ATAU OBLIGASI STATUTORI KERAJAAN

3.1 Sebarang fi atau cukai yang ditetapkan oleh Kerajaan adalah tidak termasuk dalam harga produk, caj perkhidmatan atau amaun pemulangan wang.

3.2 Semua fi atau cukai Kerajaan hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Pelanggan. Syarikat berhak mengenakan cukai tersebut kepada Pelanggan

apabila fi atau caj tersebut berkuatkuasa.

- 3.3** Sekiranya terdapat cukai baharu diperkenalkan atau perubahan kadar cukai, Pelanggan faham dan bersetuju bahawa sebarang pertambahan fi akibat daripada perubahan tersebut akan diselaraskan dalam invoice pembayaran berikutnya.
- 3.4** Amaun pemulangan wang yang diproses oleh Syarikat tidak termasuk fi atau cukai kerajaan. Caj tersebut kekal sebagai tanggungan Pelanggan dan tidak akan dipulangkan.

4 INDEMNITI SYARIKAT

4.1 Tujuan :

- 4.1.1** Terma dan syarat yang dinyatakan ini mengikat Pemegang/pemegang-pemegang amanah atau/dan jawatankuasa pengurusan amanah dan benefisiari/benefisiari-benefisiari, waris- waris, pentadbir harta pusaka dan kesemua pihak yang berkepentingan terhadap harta pelanggan yang tertakluk di bawah pakej Al-Mutahabbah ini .
- 4.1.2** Hanya harta-harta yang dokumennya telah disediakan oleh Syarikat berdasarkan **klausula 1.8.2: Peruntukan Am: Sumber Harta Untuk Al-Mutahabbah** sahaja dan telah diperuntukkan secara spesifik sebagai harta-harta yang diletakkan di bawah pakej Al-Mutahabbah seperti di dalam **klausula 2.1: Diskripsi Manfaat: Dokumen Yang Disediakan** sahaja yang akan diuruskan mengikut terma dan syarat Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah Al-Mutahabbah.
- 4.1.3** Pelanggan, Pemegang/pemegang-pemegang amanah atau/dan jawatankuasa pengurusan amanah dan benefisiari/benefisiari-benefisiari bersetuju untuk mengindemniti Wasiyyah Shoppe sekiranya pelanggan telah menyediakan dokumen-dokumen berkaitan hartanya dengan pihak ketiga selain Syarikat dan harta-harta yang tertakluk di bawah dokumen

berkenaan gagal diuruskan mengikut terma dan syarat Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah Al-Mutahabbah.

- 4.1.4 Keseluruhan perancangan pewarisan di bawah **Al-Mutahabbah** adalah dianggap terbatal sekiranya pelanggan telah menarik balik/ membatalkan Hibah yang diberikan kepada pemegang amanah atau telah membatalkan Surat Kuasa Wakil atau apa-apa sahaja dokumen lain berkaitan hartanya yang diletakkan di bawah pakej **Al-Mutahabbah**.
- 4.1.5 Pelanggan, Pemegang/pemegang-pemegang amanah atau/dan benefisiari/benefisiari-benefisiari bersetuju dan faham bahawa apa-apa harta lain milik pelanggan yang tidak tertakluk di bawah perkhidmatan **Al-Mutahabbah** akan diurus/diagih mengikut hukum faraid, permuafakatan waris atau dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengannya.
- 4.1.6 Pelanggan, Pemegang/pemegang-pemegang amanah atau/ dan jawatankuasa pengurusan amanah dan benefisiari/benefisiari-benefisiari bersetuju bahawa sekiranya Pemegang/pemegang-pemegang amanah atau/dan jawatankuasa pengurusan amanah dan benefisiari/benefisiari-benefisiari mengambil tindakan mendapatkan sendiri perkhidmatan mana-mana pihak ketiga seperti peguam, Syarikat amanah atau mana-mana pihak ketiga yang lain, bagi tujuan untuk melaksanakan Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah di bawah PERKHIDMATAN Al-Mutahabbah ini dan tindakan ini dilakukan tanpa pengetahuan dan kebenaran bertulis daripada Syarikat, sekiranya Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah ini tidak dapat dilaksanakan mengikut seperti yang dimaksudkan, Pemegang/pemegang-pemegang-amanah atau/dan benefisiari/benefisiari- benefisiari bersetuju untuk mengindemniti Syarikat.
- 4.1.7 Pelanggan, Pemegang/pemegang-pemegang amanah atau/dan benefisiari/benefisiari-benefisiari dengan ini bersetuju dan faham bahawa Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah ini adalah bersesuaian, berkuatkuasa dan selari dengan undang-undang

sivil dan Akta Pemegang Amanah 1949 yang tertakluk ke atasnya, pada ketika ini. Sekiranya terdapat perubahan/pindaan undang-undang pada masa akan datang dan pelanggan telah dimaklumkan secara bertulis oleh **Syarikat** supaya meminda Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah yang telah disediakan mengikut perubahan undang-undang yang berkenaan namun pelanggan enggan tidak berkesempatan untuk memindanya dan berlaku kematian kepada pelanggan, Syarikat akan diindemniti sekiranya Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah yang telah disediakan tidak dapat dilaksanakan kerana perubahan/pindaan undang-undang berkenaan.

- 4.1.8 Syarikat tidak bertanggungjawab terhadap perjalanan operasi amanah tersebut selepas proses runding cara dan pengesahan Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah di Mahkamah Tinggi Sivil diselesaikan atau selepas segala tanggungjawab Syarikat mengikut peruntukan Terma dan Syarat ini telah disempurnakan. Pemegang amanah/pemegang-pemegang amanah/jawatankuasa pengurusan amanah dan benefisiari-benefisiari mempunyai tanggungjawab bersama mengikut peruntukan undang-undang dalam memastikan amanah ini berjalan sepenuhnya mengikut peruntukan Surat Ikatan Amanah (harta alih) atau/dan Terma dan Syarat Hibah Al-Mutahabbah Firdaus ini.

RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG